

Hanya pemastautin layak mengundi

12 APR 2002

KUALA LUMPUR, Ahad - Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan menentukan bahawa hanya pengundi yang menetap di sesuatu kawasan pilihan raya layak mengundi di kawasan itu, bukan "dibawa" dari luar tempat pemastautin, kata Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad.

"Sekarang ini, SPR nak tentukan di mana orang itu tinggal, di situ dia mengundi," katanya ketika ditemui selepas menyampaikan hadiah pada kejohanan Sukan Berkuda Antarabangsa 100 tahun Kelab Polo dan Menunggang Kuda Selangor (SPRC) di Ampang Hilir, dekat sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, peraturan baru itu dibuat bagi mengelak tindakan tidak bertanggungjawab sesetengah pihak yang memindah pengundi dari kawasan lain bertujuan memenangkan calon

mereka.

Dr Mahathir memberi contoh bagaimana 2,000 pemilih di kawasan Parlimen yang diwakilinya iaitu Kubang Pasu dipindahkan oleh parti Pas ke kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit di Kedah baru-baru ini.

Kerusi DUN Anak Bukit dimenangi calon Pas, Amiruddin Hamzah menewaskan ahti veteran Umno, Datuk Zakaria Said dengan majoriti 508 undi dalam pilihan raya kecil bulan lalu.

Setiausaha SPR, Datuk Wan Ahmad Wan Omar ketika dihubungi hari ini menjetaskan bahawa peraturan baru seperti dinyatakan Dr Mahathir itu sudah dikuatkuasakan mulai 16 Jutai lalu menerusi Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih 2002).

Wan Ahmad berkata, peraturan baru itu menetapkan bahawa pendaftar

ran pemilih baru diwajibkan mengikut atammat dalam kad pengenalan. Bagaimanapun, ia tidak membatalkan pemilih lama yang didaftarkan sebelum 16 Jutai talu kecuati mereka memohon pertukaran alamat, yang juga mesti mengikut atammat baru dalam kad pengenalan mereka sebagai tempat mengundi.

Mengenai persempadanan semula kawasan pilihan raya, Dr Mahathir berkata, penghijrahan ketuar beramai-ramai penduduk dari Terengganu misatnya menyebabkan tiada pertambahan kerusi Parlimen dan DUN cti negeri terbabit manakata di Ketantan cuma membabitkan pertambahan kerusi DUN, bukan Partimen.

"Ini mengikut jumlah penduduk. Kelantan dan Terengganu...orang tak suka nak duduk di bawah pemerintahan Pas, dah lari habis dah. Dia mari duduk

di sini," katanya.

Dr Mahathir diminta mengulas dakwaan parti-parti pembangkang bahawa persempadanan semula kawasan pilihan raya sebagai tidak adil dan memberi banyak ketebihan kepada Barisan Nasional (BN).

Berikutan itu, DAP, Pas, Parti Keactilan Nasionat (Keaditan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM), dijangka mengemukakan bantahan masing-masing kepada SPR dalam tempoh sebutan cadangan yang menyaksikan pertambahan 25 kerusi Parlimen dan 59 kerusi DUN itu dipamerkan mutai Khamis talu.

Mengenai dakwaan pembangkang yang menuduh SPR diperatatkan oleh BN apabila banyak kawasan mereka dipecahkan dan tidak ada tambahan kerusi bagi Terengganu sedangkan Johor dan Sabah menerima banyak tambahan, Dr Mahathir berkata semua

perkara yang ditakukan dibantah oleh pembangkang.

"Dia mencarut pun tak apa, dia buat apa pun, jangan sampai tegur. Pasal apa? Pasal dia pembangkang. Dia pecah undang-undang pun tak apa. Mereka adatah manusia "istimewa"," katanya menyindir.

Bagaimanapun katanya, terpuilang kepada SPR untuk menjalankan tugas persempadanan semula kawasan pilihan raya itu.

Betiaug yang juga Presiden Umno berkata bahawa parti itu akan membincang mengenai penubuhan jawatankuasa penasaja untuk mentadbirkan bahagian Umno yang baru berikutan kewujudan kerusi baru berkenaan.

Menerusi persempadanan semula itu, SPR mengesyorkan penambahan 2.5 kerusi Parlimen dan 59 kerusi DUN dengan Johor mendapat tambahan terbanyak iaitu enam Parlimen dan 14 DUN diikuti Sabah (lima Parlimen, 12 DUN) dan Setangor (lima Partimen, enam DUN).

Ini diikuti Pahang dengan tiga Parlimen dan empat DUN, Putau Pinang (dua Parlimen, tujuh DUN), Perak (satu Partimen, tujuh DUN), Negeri Sembilan (satu Parlimen, empat DUN), Melaka (satu Parlimen, tiga DUN), Witayah Persekutuan Kuala Lumpur (satu Partimen) dan Kelantan (dua DUN).

Jumlah bahagian pilihan raya di Perlis, Kedah, Terengganu dan Witayah Persekutuan Labuan tidak berubah. Kajian persempadanan semula kati ini tidak membabitkan Sarawak yang sudah ditakukan pada 1996. Urusan persempadanan semula ditakukan setiap lapan tahun sekali.